

13 MAR 2001

PERDANA MENTERI LAKUKAN LAWATAN RASMI SEHARI KE PAHANG KHAMIS INI

KUANTAN, 13 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan rasmi sehari ke Pahang Khamis ini, menurut kenyataan Jabatan Penerangan Pahang hari ini.

Perdana Menteri dijadual tiba di Padang Majlis Daerah Lipis kira-kira pukul 8.40 pagi dan beredar ke Bangunan Umno Lipis untuk mengadakan pertemuan tertutup dengan kira-kira 500 anggota jawatankuasa Umno dari Bahagian Lipis dan Raub.

Selepas perjumpaan itu, Perdana Menteri akan menghadiri jamuan tengah hari bersama rakyat di Dewan Majlis Daerah Lipis yang akan dihadiri kira-kira 1,500 jemputan.

Pada majlis itu Dr Mahathir akan duduk semeja dengan pemimpin dan rakyat termasuk Tok Batin Orang Asli.

Perdana Menteri kemudiannya akan berlepas ke Kuantan dan mengadakan perjumpaan tertutup dengan anggota jawatankuasa Umno Bahagian Paya Besar dan Kuantan di Wisma Belia, Bandar Indera Mahkota di sini.

Beliau kemudiannya akan menghadiri majlis minum petang bersama rakyat di perkarangan Wisma Belia dan menghadiri majlis jamuan malam bersama pemimpin Badan Bukan Kerajaan (NGO) di sebuah hotel di sini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

ROS RHM